



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PENGUMUMAN STATUS *PUBLIC HEALTH EMERGENCY OF
INTERNATIONAL CONCERN (PHEIC)* BAGI COVID-19 OLEH
PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Darurat *International Health Regulations (2005) (IHR)* yang berlangsung pada 4 Mei 2023 di Geneva yang memutuskan bahawa COVID-19 tidak lagi menjadi Kecemasan Kesihatan Awam Yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (*Public Health Emergency of International Concern - PHEIC*)

Keputusan ini mengambilkira tren global yang menunjukkan penurunan bagi kes kematian COVID-19, kemasukan kes ke hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU); serta tahap imuniti populasi dunia terhadap virus SARS-CoV-2 yang tinggi. Di samping itu, kebolehcapaian kepada diagnosa, rawatan, dan vaksin turut menjadi penyumbang untuk pengisytiharan ini. Pemantauan varian virus SARS-CoV-2 juga menunjukkan ia tidak menyebabkan jangkitan COVID-19 yang teruk. Walaupun virus SARS-CoV-2 masih berada dalam persekitaran dan akan terus berevolusi, tetapi ia tidak lagi menjadi suatu kejadian luar jangka (*unexpected*) atau luar biasa (*unusual*).

Berdasarkan pemantauan oleh KKM, situasi semasa COVID-19 sehingga Minggu Epidemiologi ke-18 (ME 18/2023) iaitu dari 30 April 2023 hingga 6 Mei 2023, sebanyak 7,596 kes COVID-19 telah dilaporkan. Peratusan kes COVID-19 yang dilaporkan pada ME 18/2023 meningkat sebanyak 53.1 peratus, berbanding 4,963 kes yang dilaporkan pada ME 17/2023 (23 hingga 29 April 2023). Kadar kemasukan pesakit COVID-19 (termasuk pesakit yang disyaki COVID-19) ke fasiliti kesihatan awam juga menunjukkan

peningkatan dari 5.8 kepada 7.2 bagi setiap 100,000 penduduk pada Minggu Epidemiologi 18/2023 berbanding ME 17/2023. Walau bagaimanapun, keadaan jangkitan COVID-19 di Malaysia masih terkawal dan perkhidmatan kesihatan di hospital tidak terjejas.

Seperti sedia maklum, KKM telah melanjutkan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023. Justeru, berdasarkan penilaian situasi semasa COVID-19, status kawasan tempatan jangkitan ini akan diteruskan. Pengisytiharan Malaysia sebagai kawasan tempatan jangkitan adalah perlu bagi memenuhi keperluan isolasi atau pengasingan kes COVID-19 di mana-mana tempat selain hospital dan keperluan majikan menanggung kos rawatan dan pengujian COVID-19 yang diarahkan oleh pegawai diberi kuasa untuk dijalankan kepada pekerjanya. Dijangkakan penilaian risiko situasi jangkitan COVID-19 dalam Malaysia akan dilaksanakan pada pertengahan Jun 2023 bagi menyemak semula pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan untuk menentukan halatuju seterusnya.

Justeru, KKM akan meneruskan langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 berdasarkan protokol sedia ada. Di samping itu, KKM sedang membuat semakan semula dan mengemaskini garis panduan COVID-19 dengan merujuk kepada kenyataan daripada WHO berkaitan **transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik COVID-19**.

KKM sentiasa komited dan akan terus memantau situasi COVID-19 di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DR ZALIHA BT MUSTAFA
Menteri Kesihatan Malaysia

8 Mei 2023